

Henti projek berisiko Tasik Chini

Kerajaan negeri perlu bertindak agresif pulihara khazanah alam

Oleh **Nas Norziela Nasbah**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua projek berisiko menjejaskan persekitaran Tasik Chini di Pahang, sama ada yang sedang berjalan atau bakal dimulakan, wajar dibatalkan demi memastikan khazanah alam itu terus terpelihara dan statusnya sebagai rizab biosfera dunia kekal tanpa gangguan.

Sehubungan itu, pakar kelestarian alam sekitar mahu kerajaan negeri bertindak agresif dan berani mengambil keputusan memihak kepada tasik semulajadi kedua terbesar di Malaysia itu yang menempatkan banyak sumber mineral asli.

Pakar geobencana, Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata jelas sekali pembangunan di sekeliling Tasik Chini ketika ini agak tinggi yang seterusnya menggugat kelestarian alam sekitar kawasan berkenaan.

“Sudah tiba masanya kerajaan negeri mengambil langkah ag-



Pemandangan dari udara keadaan Tasik Chini yang terjejas akibat perlombongan serta pembalakan haram.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

resif menghentikan serta-merta konsesi projek perlombongan lama, baharu atau yang mungkin belum memulakan operasi. Seperti diketahui, banyak projek perlombongan sumber mineral asli giat dijalankan di situ.

“Bagi memastikan pemuliharaan tasik ini yang dilihat semakin tergugat sebagai khazanah semula jadi, langkah terbaik adalah tidak meneruskan sebarang projek perlombongan, sama ada berlesen atau tidak,” katanya kepada *BH*, semalam.

Tak penuhi kriteria WNBR

Mengenai laporan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Ke-

budayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mendapati Tasik Chini tidak lagi memenuhi kriteria Rangkaian Rizab Biosfera Dunia (WNBR), beliau berkata, ia boleh berlaku andai tiada pemuliharaan agresif dilaksanakan.

“Prosesnya (lucut status) tidak semudah disangka dan memerlukan masa yang panjang, namun boleh jadi kenyataan jika tindakan agresif pemuliharaan tidak dijalankan.

“UNESCO melihat pada kerosakan dan keraguan yang ada seperti aktiviti perlombongan yang menyebabkan khazanah alam itu tercemar, termasuk

projek perlombongan yang sudah lama dijalankan,” katanya yang melihat amaran pelucutan status rizab biosfera itu sebagai amat serius.

Katanya, jika UNESCO mendapati ada kesungguhan melaksanakan pemuliharaan dan usaha penambahbaikan, kemungkinan besar pelucutan status rizab biosfera bagi Tasik Chini tidak diteruskan.

Profesor Jabatan Sains Perhutanan dan Biodiversiti, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Ts Dr Mohd Hamadi Ismail juga menggesa kerajaan proaktif menggunakan

agensinya dengan sokongan badan bukan kerajaan (NGO) memulihara Tasik Chini.

Inisiatif perlu sokongan

Kepada titah Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanul Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang mahu pajakan lombong di Tasik Chini tamat tempoh tidak disambung dan kawasan itu segera dihijaukan semula, beliau berkata, ia perlu disokong semua pihak.

“Saya melihatnya sebagai inisiatif yang berani dan perlu disokong pelbagai pihak kerana akan beri isyarat kepada UNESCO bahawa kerajaan negeri ber-sungguh-sungguh untuk memulihara dan memulihkan kualiti alam sekitar sekeliling Tasik Chini,” katanya.

Katanya, tindakan wajar adalah melaksanakan usaha pemantauan pengurusan serta kemajuan aktiviti pemuliharaan yang dijalankan sekitar Tasik Chini serta tanah lembap di sekelilingnya supaya kembali sihat.

“Penggunaan teknologi seperti dron diperlukan untuk mencerap imej kawasan penanaman pokok atau pemuliharaan dan memantau kemajuannya. Dron mampu mempercepatkan pengurusan pemantauan dan menjimatkan kos walaupun cabarannya adalah keluasan lokasi yang dipantau,” katanya.